



Mohamad Amirul Helmi (dua dari kanan) ketika menerima Anugerah Kepimpinan Majlis Tertinggi Mahasiswa Terbaik 2014/2015.

# Kemahiran insaniah tunjang kepimpinan

Oleh Basir Zahrom  
basir\_zahrom@bh.com.my

✦ Serdang

**K**emahiran berkomunikasi dan keyakinan diri menjadi tunjang yang mendorong pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohamad Amirul Helmi Mohamad Zainol, untuk aktif dalam bidang kepimpinan.

Mahasiswa Ijazah Bachelor Sains (Sains Bioperubatan) itu berkata, kepimpinan bukan suatu cabang mudah, lebih-lebih lagi beliau agak pemalu dan takut untuk mencuba perkara baharu pada awal pembabitan.

“Bagaimanapun, keinginan untuk menimba ilmu bukan di atas kertas membantu saya terus membina personaliti sebagai seorang pemimpin sepanjang empat tahun mengikuti pengajian di universiti.

“Bak kata pepatah ‘alah bisa tegal biasa’, pendedahan selalu berhadapan dengan masyarakat

memberikan ilmu yang dapat membentuk personaliti sebagai seorang pemimpin,” katanya.

Mohamad Amirul Helmi yang memegang jawatan Timbalan Naib Yang Dipertua Pembangunan Insaniah, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPM 2015/20 berkata, kebolehpasaran graduan kini mementingkan aspek pembabitan mereka dalam kokurikulum atau aktiviti sosial.

Beliau berkata, aktiviti luar kuliah dapat menyuntik kemahiran insaniah diperlukan, manakala pencapaian akademik bukan satu-satunya tanda aras untuk berjaya dalam kehidupan.

## **Bantu pembinaan personaliti**

“UPM menerapkan tujuh kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar menerusi pelbagai aktiviti.

“Tujuh kemahiran insaniah itu merangkumi kemahiran berkomunikasi, bekerja dalam pasukan, pemikiran kreatif dan kritis, keusahawanan, kepimpinan,

## info

### **Mohamad Amirul Helmi Mohamad Zainol**

**Tarikh lahir:** 3 Mac 1994

**Asal:** Tanjung

Piandang, Perak

**Pengajian:** Ijazah

Bachelor Sains (Sains

Bioperubatan), UPM

**Moto:** Terus berusaha

ke hadapan

**Pencapaian:**

→ Anugerah Kilauan

Berjasa Kolej 1

7 2015/2016

→ Anugerah Jasa

Kepimpinan Kolej

17 2015/2016

→ Anugerah Kepimpinan

Majlis Tertinggi

Mahasiswa Terbaik

2014/2015

pembelajaran berterusan serta etika dan moral bagi melahirkan insan berkebolehan,” katanya.

Sepanjang bergelar pemimpin pelajar, Mohamad Amirul Helmi menimba pelbagai pengalaman manis, termasuk ketika berperanan sebagai Presiden Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej 17 Sesi 2014/2015.

Ketika itu, beliau berkata, badan berkenaan memenangi Anugerah Kepimpinan Majlis Tertinggi Mahasiswa Terbaik pada Majlis Anugerah Siswa Putra Sesi 2014/2015.

“Kejayaan itu membuktikan bahawa sikap ingin belajar dan semangat bekerjasama sangat penting untuk menjadi organisasi berjaya.

“Bagi saya, pelajar sama ada pada peringkat rendah, menengah mahu pun pengajian tinggi perlu menitikberatkan aktiviti kokurikulum seperti pentingnya pencapaian akademik kerana pendedahan itu dapat membantu pembinaan personaliti,” katanya.